

20/07/1999

Skop lapangan terbang perlu diperluas

LAPANGAN terbang di rantau ini perlu menjadi destinasi secara sendirinya sebagai langkah meningkatkan keuntungan selain memastikan pertumbuhan mapan, kata Pengerusi Malaysia Airports Berhad (MAB), Tan Sri Basir Ismail.

Tanpa mengetepikan fungsi utama lapangan terbang ialah mengendalikan pesawat, penumpang dan kargo, beliau berkata perkhidmatan yang disediakan di lapangan terbang terbabit perlu diperluaskan.

"Jika lapangan terbang berkenaan terus berlegar dalam lingkungan perniagaan asasnya tanpa sebarang kepelbagaian, mereka sudah tentu tidak dapat bersaing dengan suasana kompetitif masa depan.

"Sehubungan itu, pengendali lapangan terbang masa depan perlu memperluaskan kemampuan masing-masing untuk menerokai industri lain, sebagai langkah mengekalkah pertumbuhan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengalu-alukan peserta persidangan ACI-Pacific ke-9 di sini, hari ini.

Persidangan empat hari bertemakan 'Lapangan Terbang Generasi Baru' itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam tadi.

(END)